

17/10/2001

Pelabur Amerika masih pilih Malaysia

Wan Hazmir Bakar; Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia masih kekal sebagai destinasi pelaburan menarik di kalangan pelabur Amerika Syarikat walaupun terdapat ketidaktentuan pada peringkat antarabangsa berikutan serangan pengganas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, pelabur Amerika berpendapat keadaan politik Malaysia tetap stabil selain tidak wujud sentimen anti-Amerika berikutan tindakan negara itu menyerang Afghanistan dalam usaha memburu pengganas.

"Kalau kita dengar soalan dan kenyataan sokongan mereka kepada kita, ia menunjukkan mereka yakin kestabilan Malaysia dan tidak ada perasaan anti-Amerika di Malaysia," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Amanah Saham Nasional 3 Imbang, di sini hari ini.

Dr Mahathir mengulas hasil perbincangan pada majlis makan tengah hari bersama anggota Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (AMCHAM) yang diketuai presidennya, Nicholas Zeffreys.

Dr Mahathir berkata, pelabur Amerika juga merasakan kehadiran mereka di negara ini tetap dialu-alukan walaupun kedua-dua negara berbeza pendapat mengenai pendekatan menangani keganasan antarabangsa.

"Walaupun saya jelaskan perbezaan pendapat antara kita dengan pendekatan yang digunakan Amerika, mereka masih berpendapat Malaysia tempat yang baik dan mereka dialu-alukan," katanya.

Mengenai pertumbuhan ekonomi negara, Dr Mahathir yakin ia tidak akan jatuh ke tahap kemelesetan walaupun pemulihan sepenuhnya mungkin tidak dapat dicapai segera.

"Kita boleh bertahan sedikit sebanyak tetapi pemulihan tidaklah cepat. Saya berpendapat tekanan terhadap ekonomi kita dapat kita pertahankan. Ekonomi kita berupaya bertahan dan tidak turun sehingga menyebabkan kemelesetan," katanya.

Mengenai sasaran Wawasan 2020, Dr Mahathir berkata, Malaysia perlu berusaha mencapai pertumbuhan melebihi tujuh peratus setahun bagi mencapai matlamat itu.

Katanya, walaupun pertumbuhan ekonomi negara agak rendah tiga tahun kebelakangan ini, pertumbuhan lebih lapan peratus untuk beberapa tahun sebelum itu menjadikan purata pertumbuhan negara tinggi.

Mengenai pergolakan dalam Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Dr Mahathir berkata, pemimpin serta ahli parti itu mula sedar bahawa perjuangan mereka adalah sia-sia.

Perdana Menteri berkata, Keadilan sejak awal lagi tidak mempunyai perjuangan yang bermakna kecuali untuk membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Mereka boleh fikir dan meneliti sama ada dia teraniaya atau negara diselamatkan dari seorang yang terbabit dalam jenayah seperti yang didapati mahkamah.

"Apabila orang melihat perkara itu (perjuangan membebaskan Anwar) tidak bermakna lagi, sekarang pemimpin serta orang lain juga meninggalkan Keadilan," katanya.

Ditanya apakah Umno akan menerima kembali bekas ahli Keadilan, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, perkara itu perlu diteliti serta dipertimbangkan terlebih dulu.

"Kita nak tahu betul-betul apa pendirian mereka. Janganlah asyik masuk keluar, masuk keluar parti," katanya.

Mengenai laporan bahawa Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) meminta

beliau mewakili pertubuhan itu berhubung isu keganasan antarabangsa, Dr Mahathir berkata, ia sebenarnya hanya hasrat yang disampaikan seorang pemimpin Arab Saudi.

"Dia kata sepatutnya OIC berbuat demikian, saya belum diundang," katanya.

Ditanya apakah beliau akan menerima tanggungjawab itu jika OIC membuat tawaran, Perdana Menteri berkata, tugas itu amat besar untuk beliau laksanakan.

"Saya fikir saya tak mampulah, itu perkara besar," katanya.

(END)